



**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT JABATAN
PERIKANAN MALAYSIA
BERITA PERIKANAN HARI INI**

26 Ogos 2021
17 Muharam 1443H

SENARAI AKHBAR	TAJUK
Utusan Malaysia	<ul style="list-style-type: none">• Tak dapat siput sedut, remis pun jadilah
Berita Harian	<ul style="list-style-type: none">•
Harian Metro	<ul style="list-style-type: none">•
Kosmo !	<ul style="list-style-type: none">•
Sinar Harian	<ul style="list-style-type: none">•
The Star	<ul style="list-style-type: none">•
New Straits Time	<ul style="list-style-type: none">•
Nanyang Siang Pau	<ul style="list-style-type: none">•
Malaysia Gazette	<ul style="list-style-type: none">•
Harakah	<ul style="list-style-type: none">•
Malysiakini	<ul style="list-style-type: none">•
Bernama	<ul style="list-style-type: none">•
Borneo Post (Kuching)	<ul style="list-style-type: none">•
Guan Ming Daily	<ul style="list-style-type: none">•
Sabah Media	<ul style="list-style-type: none">•

JENIS AKHBAR							MUKA SURAT	TARIKH
UTUSAN MALAYSIA	✓	KOSMO!		THE STAR		NANYANG SIANG PAU		
BERITA HARIAN		SINAR HARIAN		THE SUN		ORIENTAL DAILY		
HARIAN METRO		NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL		PELBAGAI Sabah Media		
KATEGORI LIPUTAN: POSITIF			NEGATIF		NEUTRAL		27	26/8/2021

Um ms 27 26/8/2021

'Tak dapat siput sedut, remis pun jadilah'

Oleh AMRAN MULUP

utusannews@mediamulia.com.my

MELAKA: Pantai Klebang di Dataran 1Malaysia yang sebelum ini sepi sepanjang tempoh dua bulan sejak pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dan sekatan pergerakan penuh, tiba-tiba gempar sejak kelmarin.

Ia berikutan tularnya sebuah video mengenai siput sedut yang pertama kali ditemukan di pantai tersebut dengan jumlah banyak sewaktu air surut.

Video tersebut tersebar melalui aplikasi WhatsApp dan laman sosial Facebook mendorong orang ramai mula berkunjung ke pantai itu sejak pukul 1 petang hingga senja, semata-mata ingin membawa pulang siput

berkenaan.

Tinjauan *Utusan Malaysia* mendapati, siput tersebut tidak seperti yang digambarkan kerana saiznya terlalu kecil dan bertaburan di pantai berlumpur di situ.

Sebahagian besar orang ramai yang datang bersama keluarga bukan sahaja membawa beg plastik tetapi juga besen, baldi dan mangkuk.

Namun, sebaik sahaja menjejakan kaki ke pantai, mereka hampa apabila siput sangat kecil dan tidak sesuai untuk dibawa pulang.

Seorang pengunjung, **Siti Balkish Jaafar**, 35, berkata, dia bergegas bersama beberapa orang rakannya ke pantai Klebang selepas melihat video

tersebut.

"Tak sampai hati pula tengok saiz siput macam itu. Memang saya kecewa tetapi mujurlah dapat lala dan remis, dapat saya bawa balik walaupun hanya 1 kilogram (kg)," katanya ketika ditemui.

Dalam pada itu, **Shahril Abdul Karim**, 41, dari Cheng pula berkata, dia bersyukur dengan rezeki dikurniakan Tuhan meskipun hanya dapat mengutip lala dan remis sedangkan mengimpikan siput sedut.

"Lala dan remis memang mudah ditemui di sini sejak PKP pertama Mac tahun lalu. Tak dapat siput sedut tapi bawa pulang lala dan remis pun sudah memadai," katanya yang datang bersama isteri, Sanisah Said.



PENGUNJUNG beramai-ramai mencari siput sedut bersaiz kecil di sekitar Pantai Klebang, Melaka. - UTUSAN/AMRAN MULUP